

10 MAR 2000

Umno-Pemuda (Padang Terap/Kuala Kedah)
HISHAMMUDDIN DAPAT DUA LAGI PENCALONAN

ALOR SETAR, 10 Mac (Bernama) -- Pemangku Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein hari ini mendapat dua pencalonan bagi jawatan Ketua Pemuda, masing-masing dari Pemuda bahagian Kuala Kedah dan Padang Terap.

Kedua-dua pergerakan itu juga mencalonkan Exco Pemuda Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir bagi jawatan Naib Ketua.

Turut dicalon oleh Pemuda Kuala Kedah ialah Datuk Khalid Yunus sebagai Pengerusi Tetap Pemuda dan Nordin Mohd Noor sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Pemuda Padang Terap pula mencadangkan Ayob Mohd Arif bagi jawatan Pengerusi Tetap dan Nordin Mohd Noor bagi kerusi Timbalan Pengerusi Tetap.

Kesemuanya dipilih sebulat suara oleh kedua-dua mesyuarat itu.

Sementara itu Umno bahagian Kuala Kedah menyuarakan pandangan yang pucuk kepimpinan Umno dan pemuda Umno perlu bersikap terbuka jika mahu rakyat menyokong parti itu.

Ketua Umno bahagian Kuala Kedah Datuk Zakaria Said hari ini berkata, adalah menjadi tanggungjawab pemuda Umno kini untuk menarik golongan muda kembali mendekati Umno kerana pada pilihan raya umum 2004 akan terdapat sejumlah 2.5 juta pengundi-pengundi baru dari kalangan belia.

"Kita kini melihat pemuda Umno dilanda sidrom beku, berdiam diri terhadap sesuatu isu dan takut menegur pemimpin tertinggi terutama untuk menyuarakannya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Momamad sendiri," katanya.

Jika keadaan seperti ini berterusan Pengerusi Umno Negeri akan jadi ketua pembangkang di Dewan Undangan Negeri dan Presiden Umno akan jadi ketua pembangkang di Parlimen, selepas pilihan raya itu nanti, katanya semasa merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Wanita dan Pemuda Umno bahagian Kuala Kedah di sini.

Kata Zakaria, pemuda perlu bersikap kritikal terhadap sesuatu isu dan jangan takut untuk membuat komen terhadap kepimpinan Umno sendiri dan jangan tunggu ianya diperjelaskan oleh Perdana Menteri barulah pandangan diberi.

Turut hadir di majlis itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain selaku Timbalan Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah.

-- BERNAMA

MN PR